

Weng Heng Tablet Paracetamol

Paracetamol BP (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg
2. Bagaimana Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg
4. Cara mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg
5. Semasa mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg

Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg digunakan untuk demand an sakit kepala yang berkaitan dengan selesema.

Bagaimana Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg berfungsi

Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg yang mengandungi Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan penurunan panas.

Sebelum mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Paracetamol atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

- Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada penderita gangguan fungsi hati dan buah pinggang atau mereka yang sedang mengambil ubat yang mengancam kesihatan hati.

- Jika mengambil ubat- ubatan lain

Sila periksa dengan doktor anda sekiranya anak anda sedang mengambil ubat-ubat seperti berikut: Ubat-ubatan seperti enzim yang mendorong microsomal hati, Metoclopramide, Probenecid, Cholestyramine dan anticoagulant (cth Warfarin).

Cara mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: Ambil 1 hingga 2 tablet setiap 4 jam (Jangan ambil melebihi 4 dos dalam 24 jam).

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun:

Ambil ½ hingga 1 tablet setiap 4 jam. (Jangan ambil melebihi 4 dos dalam 24 jam).

- Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Sila mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg ambilkannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala termasuk muntah, sakit abdomen, tekanan darah rendah dan berpeluh. Sekiranya terambil berlebihan, rawatan khusus segera adalah penting. Sila menghubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Jangan melebihi dos yang disyorkan dan penggunaan berterusan tidak boleh melebihi 5 hari pada satu masa (10 hari untuk dewasa), tanpa nasihat doktor. Jika simptom berlarutan, sila dapatkan nasihat doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sediaan ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil sediaan lain yang juga mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk

termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan rawatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan botol dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Weng Heng Tablet Paracetamol 500mg ialah tablet bulat permukaan rata berwarna putih dengan tanda 'W' di satu muka dan skor di muka sebaliknya.

- Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif

Setiap tablet mengandungi Paracetamol 500mg

Bahan-bahan tidak aktif

Gelatin, Colloidal Silicon Dioxide, Magnesium Stearate, Corn Starch

- Nombor MAL:

MAL19992407XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/4/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)250418/00124